

**PERATURAN PERMAINAN
SAF UTeM**

BOLA SEPAK

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang Persatuan Bola Sepak Antarabangsa FIFA dan Persatuan Bola Sepak Malaysia FAM.

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Sukan Antara Fakulti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (SAF UTeM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Bola Sepak Sukan Antara Fakulti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (SAF UTeM)

4.0 KELAYAKAN DAN PENYERTAAN ATLET

Sila rujuk Peraturan Am SAF UTeM (Perkara 6.0).

5.0 PENDAFTARAN PEMAIN / PEMBENTUKAN PASUKAN

- 5.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak melebihi daripada 25 orang pemain dan 2 orang pengurus pasukan.
- 5.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 5.3 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

6.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Sila rujuk Peraturan Am SAF UTeM (Perkara 12.0)
- 6.2 Masa bermain Bola Sepak ialah:
5 minit (20 minit separuh masa pertama x 5 minit rehat x 20 minit separuh masa kedua).

7.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

- 7.1 Secara Liga:
Cara memberi mata:-
- | | | |
|--------|---|--------|
| Menang | - | 3 mata |
| Seri | - | 1 mata |
| Kalah | - | 0 mata |
- 7.2 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah berikut
- 7.2.1 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-
- 7.2.1.1 Pasukan yang mendapat perbezaan gol yang terbanyak akan dikira menang.
- 7.2.1.2 Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan gol yang terbanyak dikira menang.
- 7.2.1.3 Jika masih seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya diperingkat awal dikira menang.
- 7.2.1.4 Jika masih seri, tendangan penalti akan dijalankan untuk menentukan pemenang.
- 7.2.1.5 Jika masih seri, lambungan duit syiling akan digunakan untuk menentukan pemenang.
- 7.3 Sistem Sepakan Penalti
- 7.3.1 Pengadil akan menentukan gol yang mana sepakan penalti dijalankan.
- 7.3.2 Tiap-tiap pasukan akan mengambil 5 sepakan penalti dari tanda penalti dengan cara sepakan penalti.
- 7.3.3 Pengadil akan membuat undian dan pasukan uyang menang akan membuat sepakan dahulu.
- 7.3.4 Hanya pemain-pemain yang berada di dalam padang sahaja di akhir permainan dalam masa tambahan dibenarkan membuat sepakan penalti.
- 7.3.5 Penjaga gol boleh ditukar pada bila-bila masa sahaja sepakan penalti dijalankan dengan pemain-pemain yang sedia ada di padang permainan.
- 7.3.6 jika 5 sepakan penalti kedudukannya masih seri, maka sistem sudden death penalti akan dijalankan. 1 orang pemain dari setiap pasukan akan membuat sepakan penalti untuk menentukan kemenangan.

8.0 PAKAIAN

- 8.1 Pakaian yang bersesuaian dengan permainan bola sepak.
- 8.2 Penggunaan “shinpad” adalah digalakkan. Jika berlaku sebarang kecederaan ketika perlawanan, pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab.

9.0 KELEWATAN

Hanya 10 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma kepada pasukan yang berada di gelanggang dengan 3 mata dan jaringan 3-0.

10.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

- 10.1 Sekiranya pengadil berpendapat gelanggang tidak sesuai dengan permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau hal-hal yang tidak dijangkakan, permainan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh jawatankuasa Pengelola.

11.0 RAYUAN / BANTAHAN

Sila rujuk Peraturan Am SAF UTeM (Perkara 17.0).

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am SAF UTeM (Perkara 20.0).